



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

### PEKELILING PENDAFTAR

---

Bilangan 08 Tahun 2020

#### PERMOHONAN MEMBAWA KE HADAPAN BAKI CUTI REHAT DAN PENGUMPULAN GANTIAN CUTI REHAT (GCR) TAHUN 2019 KE TAHUN 2020

##### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat tahun 2019 ke tahun 2020 dan permohonan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR) secara dalam talian menggunakan Sistem HR2U.

##### LATAR BELAKANG

2. Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan demi kepentingan perkhidmatan dibenarkan dikumpul sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR) atau dibawa ke tahun berikutnya tertakluk kepada syarat tertentu berdasarkan ketetapan dalam Perintah Am Bab C Perkara 11, Pekeliling Pendaftar Bil. 1/2004, Pekeliling Pendaftar Bil. 24/2004 dan Pekeliling Pendaftar Bil. 3/2009.

##### PELAKSANAAN

3. Staf berjawatan tetap boleh membuat permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat tahun 2019 ke tahun 2020 dan mengumpul baki cuti tersebut sebagai GCR menggunakan Sistem HR2U mulai **20 Februari 2020**.

4. Permohonan secara dalam talian ini akan ditutup mulai **24 Mac 2020** bagi membolehkan Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP), Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), Pejabat Pendaftar memproses permohonan.
5. Moderator Cuti dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan semua permohonan Cuti Rehat tahun 2019 telah dikemaskini secara dalam talian. Permohonan bagi membawa ke hadapan baki Cuti Rehat dan pengumpulan GCR yang dibuat secara dalam talian perlu diambil tindakan oleh pegawai bertanggungjawab (Pegawai Membenar/ Melulus) mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu mulai **20 Februari 2020** hingga **20 April 2020** (Rujuk Lampiran 1).
6. Sistem HR2U akan sentiasa memaparkan skrin permohonan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat dan pengumpulan GCR sehingga pegawai selesai melaksanakan tindakan. **Staf** dan pegawai bertanggungjawab (**Pegawai Membenar/ Melulus**) yang tidak melaksanakan sebarang tindakan sehingga tarikh tutup permohonan dan kelulusan mengikut tempoh yang ditetapkan akan menerima **surat peringatan** secara dalam talian. Seterusnya, sistem HR2U akan melaksanakan tindakan membawa ke hadapan baki Cuti Rehat secara automatik **kecuali** bagi staf yang sedang dalam tempoh bercuti untuk jangka masa panjang atau melebihi satu (1) bulan semasa tempoh permohonan dibuka (Rujuk Lampiran 2).
7. Pelaksanaan pekeliling ini tidak terpakai kepada staf yang sedang dalam tempoh Cuti Sakit Tibi, Kusta dan Barah, Cuti Belajar dan Cuti Tanpa Gaji yang melebihi tempoh satu (1) tahun.

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

8. Pekeliling dikeluarkan pada **13 Februari 2020**.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

9. Pekeliling ini berkuat kuasa pada **20 Februari 2020**.

## **PEMAKAIAN**

10. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf berjawatan tetap di Universiti Teknologi MARA.



**HAJAH SA'ADAH IBRAHIM**

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:  
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)  
No. Siri : 100-BPD(Bil. 08/2020)

**LAMPIRAN 1**

**JADUAL PELAKSANAAN PERMOHONAN CUTI REHAT DIBAWA KE HADAPAN DAN  
PENGUMPULAN GANTIAN CUTI REHAT MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN  
BILANGAN 9/1991, BILANGAN 7/2003, BILANGAN 5/2004 & BILANGAN 18/2008**

Tarikh permohonan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan pengumpulan GCR:

Tindakan	Tarikh Permohonan Dibuka	Tarikh Permohonan Ditutup
<b>Pemohon / Staf</b>	<b>20 Februari 2020 (Khamis)</b>	<b>24 Mac 2020 (Selasa)</b>

Tarikh tindakan Pegawai Membenar/ Melulus:


Pegawai Bertanggungjawab	Tarikh Mula Tindakan Kelulusan	Tarikh Akhir Tindakan Kelulusan
<b>Pegawai Membenar / Melulus</b>	<b>20 Februari 2020 (Khamis)</b>	<b>20 April 2020 (Isnin)</b>

## LAMPIRAN 2

### TATACARA PROSES PERMOHONAN CUTI REHAT DIBAWA KE HADAPAN DAN PENGUMPULAN GANTIAN CUTI REHAT MENGGUNAKAN SISTEM HR2U UNTUK PEMOHON / STAF

#### Langkah 1:


Staf perlu log masuk ke Sistem HR2U pada pautan <https://hr2u.uitm.edu.my> dan klik pada menu: Cuti > Permohonan Cuti > Permohonan Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan dan Gantian Cuti Rehat > Borang Permohonan



Nota: Permohonan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan Gantian Cuti Rehat hanya akan dibuka mengikut tarikh yang ditetapkan. Dalam tempoh tersebut, staf boleh membuat permohonan Cuti Rehat dibawa ke hadapan (*carry forward*) dan pengumpulan Gantian Cuti Rehat (GCR). Selepas tempoh permohonan ditutup, staf tidak boleh mengakses skrin tersebut dan notifikasi akan dipaparkan.

#### Langkah 2:

Staf perlu klik butang *OK* pada mesej yang tertera di skrin dan sistem akan memaparkan skrin Permohonan Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan dan Gantian Cuti Rehat secara automatik.



### Langkah 3:

Skrin permohonan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan Gantian Cuti Rehat akan memaparkan maklumat ringkas staf dan juga rekod lapor diri yang berkaitan di Bahagian A dan Bahagian B.

The screenshot displays the 'Permohonan Cuti Rehat Di Bawa Ke Hadapan Dan Gantian Cuti Rehat' application form. In section A (Maklumat Permohonan), it shows the staff details: Name (ALI BIN ABU), NIP (112233), Position (PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT), Post (PEJ PEMB INFRASTRUKTUR & INFOSTRUKTUR), Current Status (AKTIF), and Date of Application (16/01/2019). In section B (Rekod Lapor Diri), it lists the leave types: Cuti Maternity (Tarikh Mula: 16/01/2019, Tarikh Tamat: 16/01/2019, Jumlah Hari: 16, Jenis Cuti: Cuti Maternity). A note at the bottom states 'Tiada rekod di dalam senarai ini'.

Nota: Staf boleh merujuk pekeliling yang berkaitan pada pautan Dokumen Rujukan di sebelah kanan skrin.

### Langkah 4:

Staf perlu membuat permohonan dengan memilih bilangan hari pada ruangan Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan dan Gantian Cuti Rehat tertakluk kepada jumlah yang melayakkan. Sistem juga akan memaparkan cadangan bilangan hari untuk kedua-dua ruangan tersebut.

The screenshot shows the 'BORANG PERMOHONAN PENGUMPULAN CUTI REHAT MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 81/1991, BILANGAN 7/2003, BILANGAN 5/2004 & BILANGAN 18/2008'. It includes a table for leave applications and a summary of leave taken in 2018. Below is a note about leave carried over from 2018 and a summary of leave taken in 2019. A box contains instructions for selecting leave days and sending the application.

**Notis Makluman**

Tarikh Tutup Permohonan oleh Staf	16/01/2019
Tarikh Tutup Tindakan Pegawai Membesar/Melulus/Ketua Jabatan	16/01/2019

**Bilangan Cuti Rehat Sehingga : 31/12/2018**

Kelayakan Cuti Rehat Tahunan 2018	30
Kelayakan Cuti Rehat Semasa 2018	30
Jumlah Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan Tahun 2018	13
Cuti Rehat Telah Dambil Tahun 2018	16
Baki Cuti Rehat Tahun 2018	27
Ganbaran Cuti Rehat Terkumpul	131

**Arahan: Sila isikan maklumat Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan Tahun 2018 ke Tahun 2019 dan Ganbaran Cuti Rehat (GCR) Tahun 2019**

Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan Tahun 2019	12	* (Sila Pilih)
Gantian Cuti Rehat Tahun 2019	15	* (Sila Pilih)
Cuti Rehat Disiapkan	0	
Jumlah Gantian Cuti Rehat Terkumpul	145	

**Mengumpul Faedah Gantian Cuti Rehat mengikut Peraturan-Peraturan Perencanaan 1980 (Akta 227) (Hendaklah tidak melebihi separuh daripada kelayakan cuti rehat tahunan tetapi tertakluk kepada maksima sebanyak 15 hari setahun, manfaat yang tersendiri dan dibenarkan setelah genap 160 hari).**

**Hantar**

**1. Sila pilih bilangan hari bagi kedua-dua ruangan ini.**

**2. Sila tekan butang 'Hantar' untuk tindakan selanjutnya.**

Nota: Bahagian C akan memaparkan maklumat Cuti Rehat dan jumlah Gantian Cuti Rehat terkumpul pada tahun semasa dan tarikh akhir staf dibenarkan membuat permohonan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan Gantian Cuti Rehat dan tarikh akhir tindakan oleh Pegawai Membesar/ Melulus/ Ketua Jabatan.

## Langkah 5:

Staf boleh menyemak status permohonan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan Gantian Cuti Rehat pada skrin:

Cuti > Permohonan Cuti > Permohonan Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan Dan Gantian Cuti Rehat > Status Permohonan

The screenshot shows the ESS application's navigation path: ESS > Staf > Penilaian > Cuti > Pelantikan Moderator > Tutorial > Panduan >. The main menu on the left includes: Anjung, Pengurusan Jorkini, Pengaktifan Sepenuhnya SK, Tambah Guru Baru, Asasrah Matlamat, and Sebab. A dropdown menu under 'Kelayakan dan Pengayoman Cuti' lists: Permohonan Cuti, Permohonan Berang Keluar, Masa Berk Pegawai Membesar/Melulus (Gantian), Kalender, Bolang Lapor Dirin, Logam Cuti, and Senarai Cuti. The right panel displays the status of a leave application: Perintahandan Cuti, Melulus Cuti, Status Permohonan Cuti, Status Permohonan Cuti, Kelulusan (Pegawai Membesar/Melulus), Cuti Dikemasukan (Tidak Diluluskan Oleh Saya), Permohonan Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan Dan Gantian Cuti Rehat, Tambahan Kelulusan Cuti Rehat (Prioriti), and Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan Dan Gantian Cuti Rehat Diluluskan/Tidak Diluluskan Oleh Saya. Below this is a table titled 'Senarai Permohonan Kelulusan Cuti Rehat Dibawa ke Hadapan Dan Gantian Cuti Rehat' with columns: No. Pekerja, Nama, Tarikh Permohonan, and Status. One row is shown: No. Pekerja 227700, Nama ZAZA SINTI ALI, Tarikh Permohonan 15/01/2019 03:06 PM, and Status Diluluskan oleh CWKH BIN CWA.


Nota: Sistem tidak akan membenarkan staf untuk membuat sebarang permohonan cuti sehingga permohonan kelulusan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan Gantian Cuti Rehat diambil tindakan oleh Pegawai Membesar / Melulus.

## TATACARA PROSES PERMOHONAN CUTI REHAT DIBAWA KE HADAPAN DAN PENGUMPULAN GANTIAN CUTI REHAT MENGGUNAKAN SISTEM HR2U UNTUK PEGAWAI MEMBENAR / MELULUS

### Langkah 1:


Pegawai Membenar / Melulus perlu log masuk ke Sistem HR2U pada pautan <https://hr2u.uitm.edu.my> dan klik pada menu:

Cuti > Permohonan Cuti > Permohonan Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan dan Gantian Cuti Rehat > Kelulusan Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan dan Gantian Cuti Rehat (Pegawai Membenar / Melulus)




### Langkah 2:

Pegawai Membenar / Melulus perlu klik pada butang Diluluskan / Tidak Diluluskan untuk permohonan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan Gantian Cuti Rehat yang perlu diambil tindakan.



### Langkah 3:

Pegawai Membesar / Melulus boleh menyemak senarai permohonan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan Gantian Cuti Rehat yang telah diambil tindakan pada pautan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan Gantian Cuti Rehat Diluluskan / Tidak Diluluskan Oleh Saya




Nota: Sila tekan butang **Cari Semua** untuk melihat senarai permohonan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan Gantian Cuti Rehat yang telah diambil tindakan.

### Langkah 4:

Pegawai Membesar / Melulus juga boleh menyemak sejarah permohonan Cuti Rehat dibawa ke hadapan dan Gantian Cuti Rehat bagi permohonan yang telah diambil tindakan pada menu:

Cuti > Permohonan Cuti > Permohonan Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan dan Gantian Cuti Rehat > Cuti Rehat Dibawa Ke Hadapan dan Gantian Cuti Rehat Diluluskan / Tidak Diluluskan Oleh Saya



- TAMAT -